

PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
November
2022
2 jam 30 minit



1223/1

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2022

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا
وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَخْلَاقُونَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali-Imran: 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang konsep sunnatullah.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab turun ayat 139 di atas berdasarkan perkara di bawah;
 - (1) Siapakah yang terlibat?
 - (2) Apakah peristiwa yang berlaku?
 [2 markah]
- (iii) Jelaskan kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu. [2 markah]
- (iv) Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:


عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ
مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ
وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang konsep tanggungjawab.

- (i) Nyatakan maksud perkataan yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua individu yang diberi tanggungjawab selain daripada pemimpin. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

- (c) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi potongan ayat al-Quran yang bergaris di bawah.



[2 markah]

- 2 (a) Al-Syahid dan al-Raqib adalah antara nama-nama Allah SWT yang indah.

- (i) Nyatakan maksud al-Syahid. [2 markah]
 (ii) Jelaskan dua bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda tentang konsep keimanan terhadap Allah SWT bersifat al-Raqib. [4 markah]

- (b) (i) Iman boleh terbatal melalui iktikad. Senaraikan dua perkara lain yang membatalkan iman. [2 markah]
 (ii) Nyatakan dua syarat terbatal iman. [2 markah]
 (iii) Jelaskan dua kesan melakukan perkara yang membatalkan iman kepada masyarakat. [2 markah]
 (iv) Terangkan dua cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 3 (a) (i) Nyatakan **dua** bulan haji. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** ciri berkemampuan (*istito'ah*) dalam ibadah haji. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara haji dengan umrah. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud perkahwinan? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tujuan pensyariatan walimatulurus. [4 markah]

“Masyarakat kita pada hari ini dicemari dengan pelbagai krisis akhlak merangkumi tingkah laku dan perbuatan tidak bermoral”

(*Jurnal al-Turath; Vol. 3, No. 1; 2018*)

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan tanggungjawab ibu bapa bagi menanganinya. [4 markah]
- 4 (a) (i) Namakan **dua** pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah. [4 markah]

Kegemilangan kerajaan Uthmaniyah telah disebut oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Qustontiniyah (Constantinople) itu pasti akan dibuka. Sebaik-baik ketua ialah ketuanya dan sebaik-baik tentera ialah tenteranya*”.

(*Riwayat Ahmad*)

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan pendapat anda. [4 markah]
- (b) Keunggulan tokoh empat mazhab menjana kecemerlangan ummah.
- (i) Nyatakan **tiga** keperibadian al-Imam al-Syafie. [3 markah]
- (ii) Senaraikan **tiga** sumber yang digunakan oleh al-Imam al-Syafie dalam mengasaskan mazhabnya. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** bukti kecintaan al-Imam Malik terhadap Rasulullah SAW. [4 markah]

- 5 (a) Wasatiah dapat menegakkan syiar Islam.
- (i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** prinsip wasatiah dalam aspek kesederhanaan. [2 markah]
 - (iii) Terangkan ciri umat yang cemerlang. [2 markah]

العقل السليم في الجسم السليم
Maksudnya:
Akal yang cerdas terletak pada badan yang cergas
(Pepatah Arab)

- (iv) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda mengaplikasikan wasatiah dalam aspek keseimbangan. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud alam sekitar? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** adab menjaga alam sekitar. [4 markah]

Hari Alam Sekitar Malaysia disambut pada
21 hingga 27 Oktober setiap tahun selama seminggu.

(Portal Rasmi Jabatan Alam Sekitar)

- (iii) Kemukakan pandangan anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT